

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

1.0 Bayaran Pemprosesan Pelan:-

- 1.1 Bayaran Proses pelan landskap perlu dijelaskan mengikut kategori permohonan.
- 1.2 Salinan resit bayaran perlu disertakan bersama pelan permohonan landskap.

2.0 Keperluan Kebenaran Merancang dan pelan susun atur yang telah disahkan.

3.0 Syarat Kebenaran Merancang menaiktaraf kawasan lapang yang berhampiran bagi pembangunan perumahan yang tidak menyediakan kawasan lapang / kekurangan kawasan lapang.

4.0 Keperluan Pelan Landskap:-

4.1 Mematuhi Garis Panduan Landskap Negara Edisi 2 Tahun 2008, Manual Garis Panduan Dan Piawai Perancangan Negeri Selangor Edisi 2 dan Pelaksanaan Urusan Pengeluaran Permit Pembinaan Melalui Model Baru OSC 3.0.

- 4.2 Menyediakan satu ruangan 100mm x 150mm untuk cop kelulusan di penjuru atas / bawah kanan setiap pelan.
- 4.3 Skala pelan yang hendak digunakan adalah minimum 1:300.*
- 4.4 Arah utara hendaklah ditunjukkan.
- 4.5 Dua puluh tujuh (27) set pelan kertas berwarna bersaiz A3 (pelan landskap keseluruhan / 'master plan' / 'site plan' termasuk gambar-gambar pokok yang disusun di dalam pelan landskap) yang ditandatangani oleh Pemaju dan Arkitek Landskap bertauliah untuk rekod fail dan pembentangan kertas kerja Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (MJOSC) **bagi permohonan baru kali pertama.**
- 4.6 Satu (1) salinan 'softcopy' pelan landskap dalam format 'Autocad' dan salinan lokasi tapak dalam bentuk imej satelit serta gambar-gambar pokok yang disusun di dalam pelan landskap dalam bentuk 'powerpoint' untuk persembahan 'slide'.
- 4.7 **Dokumen keperluan pematuhan syarat kelulusan** adalah satu (1) set pelan linen dan dua (2) set pelan kertas bersaiz A1 atau A0 (berwarna) untuk cop kelulusan, satu (1) set pelan kertas berwarna bersaiz A3 (pelan-pelan ditandatangani oleh Pemaju dan Arkitek Landskap bertauliah), satu (1) salinan 'softcopy' pelan landskap dalam format 'Autocad' dan gambar-gambar pokok

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

yang disusun di dalam pelan landskap dalam bentuk 'powerpoint' untuk rekod fail.

4.8 Ruang Tajuk hendaklah menunjukkan butir-butir berikut:-

4.8.1 Nama tajuk projek baru hendaklah teratur bermula dengan **Cadangan Landskap Bagi Cadangan...**

4.8.2 Nama tajuk bagi **pindaan** projek bermula dengan **Cadangan Pindaan Landskap Rujukan Fail... Diluluskan Pada... Kepada Cadangan Landskap Bagi...**

4.8.3 Nama tajuk tiap-tiap lukisan hendaklah tepat dan teratur.

4.8.4 Nama 'Mukim' dan 'Daerah' hendaklah dinyatakan dalam tajuk projek.

4.8.5 Perlu berikan nombor lukisan pada tiap-tiap lukisan.

4.8.6 Cop Nama dan Tandatangan Arkitek Landskap yang berdaftar dengan ILAM dan sah keahlian.

4.8.7 Cop Nama, nombor kad pengenalan, alamat dan tandatangan pemilik bangunan / pemaju.

4.9 Pokok Bunga Rasmi *Ruellia simplex* / Bunga Petunia dan pokok renek Bunga Raya / *Hibiscus* spp. (Saranan oleh Kerajaan) perlu di tanam di jalan masuk utama setiap pembangunan atau kawasan lapang.*

4.10 Pokok yang berbunga lebat atau pokok teduhan hendaklah ditanam di jalan protokol, perumahan dan kawasan lapang.

4.11 Pemilihan pokok hendaklah mengikut kesesuaian projek dan Garis Panduan Landskap Negara.

4.11.1 Contoh pokok utama bersaiz kecil (ketinggian <10 meter):

Nama Botani / Nama Tempatan

- *Arfeuillea arborescens* / 'Hop tree'
- *Brownea grandiceps* / 'Scarlet flame bean'
- *Caesalpinia ferrea* / 'Leopard tree'
- *Callistemon citrinus* / 'Bottle brush'
- *Cordia sebestena* / 'Geiger tree'
- *Cratoxylum cochinchinense* / Kayu arang
- *Eugenia oleina* / Kelat paya
- *Eugenia polyantha* / Salam

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

- *Garcinia subelliptica* / 'Happiness tree'
- *Gardenia carinata* / Cempaka hutan
- *Melaleuca bracteata* / 'Revolution gold'
- *Malaleuca cajuputi* / Gelam
- *Plumeria obtusa* / Kemboja putih
- *Plumeria rubra* / Kemboja 'pink'
- *Polyalthia longifolia* / 'Asoka tree'
- *Salix babylonica* / Janda merana / 'Weeping willow'
- *Syzygium aromaticum* / Chengkeh
- *Syzygium zeylanicum* / Kelat nenasi
- *Tristaniaopsis whiteana* / pelawan
- *Xanthostemon chrysanthus* / Jambu kuning

4.11.2 Contoh pokok utama bersaiz sederhana (ketinggian 10 meter - 15 meter):

Nama Botani / Nama Tempatan

- *Andira Inermis* / 'Brown heart'
- *Alstonia angustifolia* / Pulau
- *Bucida buceras* / 'Black olive'
- *Bucida molineti* / 'Spiny black olive'
- *Bucida molineti variegated* / 'Black olive variegated'
- *Cassia fistula* / 'Golden shower tree'
- *Cinnamomum iners* / Kayu manis
- *Fagraea fragrans* / Tembusu
- *Filicium decipiens* / Kiara payung
- *Hopea odorata* / Chengal pasir
- *Lagerstroemia langkawiensis* / Bungor
- *Lagerstroemia speciosa* / Bungor
- *Lophanthera lactescens* / 'Golden chain tree'
- *Leptospermum brachyandrum* / 'Weeping tea-tree'
- *Maniltoa browneoides* / 'Handkerchief tree'
- *Messua ferrea* / Penaga lilin
- *Milletia atropurpurea* / Tulang daing
- *Mimusops elengi* / Tanjung
- *Pteleorcarpa lamponga* / Tembusu tikus
- *Shorea sumatrana* / Sengkawang
- *Spathodea campanulata* / 'African tulip tree'
- *Sterculia foetida* / Kelumpang
- *Sterculia rubiginosa* / Kelumpang
- *Syzygium gratum* / Kelat gelam
- *Tabebuia aurea* / 'Tree of Gold'
- *Tabebuia rosea* / Tekoma
- *Tectonia grandis* / Jati

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

4.11.3 Contoh pokok utama bersaiz besar (ketinggian >15 meter):

Nama Botani / Nama Tempatan

- Dalbergia oliveri / Tamalan
- Khaya senegalensis / Khaya
- Peltophorum pterocarpum / Batai laut
- Samanea saman / Hujan-hujan
- Swietenia macrophyla / Big-Leaf Mahogany

Nota:- Sekiranya perunding ada cadangan pokok yang ingin diperkenalkan, perlu dikaji dari segi kesesuaian dan dibincangkan dengan pihak Majlis.*

4.12 Jadual Petunjuk / 'Legend' hendaklah menunjukkan butir-butir seperti berikut:-

4.12.1 Simbol berwarna (satu simbol bagi satu jenis pokok / palma / pokok renek).

4.12.2 Nama botani (ejaan hendaklah tepat dan betul).

4.12.3 Nama biasa / tempatan (ejaan hendaklah tepat dan betul).

4.12.4 Ketinggian pokok bunga x ukuran garis pusat batang pokok (diameter);

4.12.4.1 Pokok - 2m tinggi batang x 50mm - 75mm dia. batang.*

4.12.4.2 Palma ('single stem') - 1m tinggi batang x 100mm dia. batang (sederhana).*

4.12.4.3 Palma ('single stem') - 3m tinggi batang x 250mm dia. batang (besar).*

4.12.4.4 Palma ('multi stem') - 2m tinggi keseluruhan dengan minima 3 rumpun pokok.*

4.12.4.5 Pokok renek besar - 1200mm -1500mm tinggi keseluruhan x 20mm - 30mm dia. batang (bentuknya sihat dan subur) contoh pokok Eugenia oleina.*

4.12.4.6 Pokok renek kecil - 450mm tinggi keseluruhan x 300mm (bentuknya sihat dan subur).*

4.12.4.7 Pokok penutup bumi - 150mm x 150mm.*

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

4.12.5 Jarak penanaman;

4.12.5.1 Di antara pokok ke pokok di kawasan lapang dan pinggir jalan -

4.12.5.1.1 6 meter hingga 8 meter jarak minimum penanaman di antara pokok ke pokok bagi pokok utama bersaiz kecil.*

4.12.5.1.2 8 meter hingga 12 meter jarak minimum penanaman di antara pokok ke pokok bagi pokok utama bersaiz sederhana.*

4.12.5.1.3 15 meter hingga 20 meter jarak minimum penanaman di antara pokok ke pokok bagi pokok utama bersaiz besar.*

4.12.5.2 Di antara pokok dengan struktur -

4.12.5.2.1 5 meter jarak minimum penanaman di antara pokok utama bersaiz besar dengan perimeter longkang atau laluan pejalan kaki, lampu taman, lampu jalan, struktur jalan, tempat letak kereta dan sebagainya di kawasan lapang atau pinggir jalan.*

4.12.5.2.2 3 meter jarak minimum penanaman di antara pokok utama bersaiz kecil/ sederhana dengan perimeter longkang, laluan pejalan kaki, lampu taman, lampu jalan, struktur jalan, tempat letak kereta dan sebagainya di kawasan lapang atau pinggir jalan.*

4.12.5.2.3 3 meter hingga 5 meter jarak minimum penanaman di antara pokok utama dengan bangunan.*

4.12.5.2.4 1.5 meter jarak minimum penanaman di antara pokok utama bersaiz kecil dengan perimeter longkang atau laluan pejalan kaki di kawasan pinggir jalan dan dibina 'Tree Root Barrier' dari jenis 'High Density polyethylene' (HDPE). (Perunding perlu mengemukakan laporan bergambar bukti kerja pembinaan sewaktu mengemukakan permohonan CCC).*

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

4.12.5.3 Di antara pokok dengan peralatan permainan dan kemudahan rekreasi -

4.12.5.3.1 3 meter hingga 5 meter 'clearance' jarak minimum penanaman pokok dengan peralatan permainan kanak-kanak, stesen senaman (*fitness station*), gelanggang permainan dan sebagainya.*

4.12.5.4 Pokok Palma - 3000mm hingga 5000mm c/c*.

4.12.5.5 Pokok renek besar - 1000mm c/c hingga 3000mm c/c*.

4.12.5.6 Pokok renek kecil - 300mm c/c*.

4.12.5.7 Pokok penutup bumi - 150mm c/c.*

4.12.6 Bilangan tanaman perlu dinyatakan.*

4.12.7 Keluasan rumput hendaklah dinyatakan dalam meter persegi.

4.12.8 Senaraikan kemudahan rekreasi dan alat permainan serta kuantiti / jumlah yang dicadangkan di dalam jadual.

5.0 Pelan Keratan / Rentas Terperinci Hendaklah Dikemukakan Bagi Tanaman:-

5.1 Pokok.

5.2 Palma.

5.3 Pokok renek.

5.4 Penutup bumi.

5.5 Rumput.

5.6 Pelan keratan hendaklah menunjukkan butir-butir seperti berikut:-

5.6.1 Lubang tanaman;

5.6.1.1 Pokok / Palma – 1000mm x 1000mm x 1000mm.

5.6.1.2 Pokok renek – 300mm x 300mm x 300mm*.

5.6.1.3 Penutup bumi – 150mm x 150mm x 150mm.

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

- 5.6.2 Tanah campuran tanaman - 3 ('topsoil') : 2 (baja organik) : 1 (pasir).
- 5.6.3 Penagak pokok;
 - 5.6.3.1 Kayu penyokong 2500mm x 75mm x 50mm dia. pada setiap pokok.
 - 5.6.3.2 Tali pengikat perlu dibalut dengan 'hose' getah.
 - 5.6.3.3 Bagi pokok palma yang melebihi ketinggian 3m perlu menggunakan kayu penyokong empat penjuru (ketinggian kayu penyokong hendaklah $\frac{1}{2}$ daripada ketinggian palma) dan batang palma dibalut dengan kain guni.
- 5.6.4 Rumput di kawasan landskap, di kawasan lapang / padang permainan, lereng / cerun ('slope'), simpanan jalan / parit, zon penampungan dan padang bola;
 - 5.6.4.1 Tanam rumput Axonopus compressus ('cow grass') atau rumput karpet secara 'close turfing'.
 - 5.6.4.2 Saiz rumput 300mm x 300mm x 50mm ('sodding'), 80% ketulenan dan bebas rumpai.
 - 5.6.4.3 Tanah campuran 100mm (minima) dalam hendaklah ditimbus dan diratakan. Tanah campuran tanaman - 3 ('topsoil') : 2 (baja organik) : 1 (pasir).
 - 5.6.4.4 Mampatkan rumput ke dalam tanah dan diratakan pada 'gradient' 1:8.
 - 5.6.4.5 Kawasan hendaklah bersih daripada batu, kayu dan sampah sarap pembinaan.

(Perkara 5.6.4.1 hingga 5.6.4.5 perlu dinyatakan dalam pelan terperinci).

- 5.6.4.6 Warnakan semua kawasan rumput di dalam pelan.

6.0 Kotak Bunga / 'Planter box' :-*

- 6.1 Pelan keratan / rentas terperinci perlu dikemukakan.
- 6.2 Tanah campuran tanaman – 3 ('topsoil') : 2 (baja organik) : 1 (pasir).
- 6.3 Lubang pengairan ('outlet') hendaklah disediakan.

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

- 6.4 Simbol dan kuantitinya perlu ditunjuk dalam petunjuk / 'legend'.
- 6.5 Jenis pokok bunga dan kuantitinya hendaklah ditunjuk dalam petunjuk / 'legend'.
- 6.6 Kedalaman 'planter box' hendaklah minimum 500mm.
- 6.7 Kemasan luar kotak bunga hendaklah di bina dengan kemasan atau dicat.

7.0 Keperluan Landskap Mengikut Kategori Kawasan:-

7.1 Kawasan perumahan;

7.1.1 Jarak kawasan landskap hadapan rumah antara longkang dan tepi jalan premis (bahu jalan) yang kurang 1.0m hendaklah ditanam pokok renek besar *Eugenia oleina*/ Kelat paya atau palma bersaiz sederhana, pelan keratan rentas terperinci hendaklah dikemukakan (bagi jalan 40 kaki).*

7.1.2 Jarak kawasan landskap hadapan rumah antara longkang dan tepi jalan premis (bahu jalan) yang melebihi 1.0m hendaklah ditanam pokok berbunga / teduhan, pelan keratan rentas terperinci hendaklah di kemukakan. Batu bebendul ('kerb') perlu diadakan bagi membezakan jalan dan kawasan landskap (bagi jalan 50 kaki ke atas).*

7.1.3 No. Pt. / Lot hendaklah di tunjukkan.

7.2 Kawasan Kilang / Gudang / Industri;

7.2.1 Hendaklah ditunjukkan no. Lot asal / Lot kilang.

7.2.2 Kawasan hadapan kilang / gudang, kelebaran 1.00m hingga 2.00m hendaklah disediakan sebagai kawasan landskap utama.

7.2.3 Minimum 1.0m lebar kawasan hijau ('perimeter planting') hendaklah disediakan di sepanjang pagar sempadan sekiranya jalan melebihi 20 kaki dari garisan sempadan pagar ke garisan bumbung bangunan (anjakan bangunan 25 kaki). 1.0m lebar kawasan hijau tidak termasuk longkang di sekeliling bangunan atau di sepanjang pagar sempadan (kawasan hijau dan longkang hendaklah berasingan).

7.2.4 Pelan keratan rentas terperinci dan pelan pandangan hadapan kilang bagi kawasan yang mempunyai cadangan landskap hendaklah dikemukakan dari garisan bangunan, jalan utama, longkang, pagar, hingga kawasan hijau / zon penamparan.

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

- 7.3 Kawasan Rumah Kedai;
- 7.3.1 Pokok / palma perlu ditanam di kawasan laluan pejalan kaki atau di kawasan tempat letak kereta mengikut kesesuaian di hadapan kedai.
 - 7.3.2 Kedudukan pokok / palma hendaklah bertentangan dengan 'column' atau tiang kedai dan ditanam setiap dua 'column'.
 - 7.3.3 'Concrete framing' / 'kerb' bersaiz 1m x 1m x 0.2m tinggi dari paras tanah hendaklah dibina pada setiap tapak penanaman pokok dan diletakkan 'Tree Root Barrier'.*
 - 7.3.4 Tapak penanaman pokok hendaklah ditunjukkan kedudukannya di dalam pelan.
 - 7.3.5 Pelan terperinci bagi laluan pejalan kaki hendaklah dikemukakan.*
- 7.4 Kawasan tempat letak kereta;
- 7.4.1 Kawasan tanaman bagi pokok teduhan hendaklah diperuntukan minimum 1.0m lebar.
 - 7.4.2 Mengadakan batu bebendul ('kerb') di keliling lubang tanaman bagi membezakan jalan dan kawasan landskap dan diletakkan 'Tree Root Barrier'*.
 - 7.4.3 Elakkan tanaman berdaun halus, berbuah atau bunga yang bergetah.
- 7.5 Kawasan simpanan jalan dan parit serta jalan-jalan utama;
- 7.5.1 Hendaklah ditanam pokok.
 - 7.5.2 Di antara pokok hendaklah ditanam pokok renek / rumput.
- 7.6 Kawasan Zon Penampian;
- 7.6.1 Bagi kawasan lebar 10m hendaklah ditanam 2 baris pokok pada jarak 10m c/c dengan kaedah penanaman tidak setentang ('staggered').
 - 7.6.2 Bagi kawasan lebar 20m hendaklah ditanam 3 baris pokok pada jarak 10m c/c dengan kaedah penanaman tidak setentang ('staggered').

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

7.7 Kawasan Sekolah / Pangsapuri / Bangunan Pameran / Rumah Kelab / Stesen Minyak / Kompleks Perniagaan / Kompleks Membeli-belah / Hotel / Tadika / Rumah Ibadat / Lain-lain ;

7.7.1 Kawasan hadapan premis kelebaran 1.00m hingga 2.00m hendaklah disediakan sebagai kawasan landskap utama.

7.7.2 Minimum 1.0m lebar kawasan hijau hendaklah disediakan di sepanjang pagar sempadan sekiranya jalan melebihi 20 kaki dari garisan sempadan pagar ke garisan bumbung bangunan (anjakan bangunan 25kaki). 1.0m lebar kawasan hijau tidak termasuk longkang di sekeliling bangunan atau di sepanjang pagar sempadan (kawasan hijau dan longkang hendaklah berasingan).

7.7.3 Pelan keratan rentas terperinci dan pelan pandangan hadapan premis bagi kawasan yang mempunyai cadangan landskap hendaklah dikemukakan dari garisan bangunan, jalan utama, longkang, pagar, hingga kawasan hijau / zon penampakan.

7.8 Kawasan kemudahan asas;

7.8.1 Merujuk kepada stesen pencawang elektrik, tangki air / rumah pam, kolam oksidasi dan tempat pembuangan / pelupusan sampah.

7.8.2 Keperluan ruang;

7.8.2.1 Stesen pencawang elektrik dan rumah pam - minimum rizab seluas 6m lebar di sempadan kawasan.

7.8.2.2 Rizab talian penghantaran - Ketinggian pokok tidak melebihi 8 kaki dan kedudukan tanaman pokok minimum 15 kaki dari sempadan garisan pengalir.

7.8.2.3 Kolam oksidasi dan tempat pembuangan / pelupusan sampah - minimum rizab seluas 6m lebar dengan penambakan tanah sebagai bukit kecil.

7.8.2.4 Minimum 1.5m lebar kawasan landskap perlu disediakan di kawasan pintu masuk dan jalan masuk utama.

8.0 Kawasan Lapang / Padang Permainan / Padang Bola :-

8.1 Pelan keratan terperinci bagi kemudahan rekreasi hendaklah dikemukakan mengikut spesifikasi Majlis Perbandaran Klang.

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

- 8.2 Tapak berkenaan hendaklah dibesarkan supaya tanaman dan susun atur kemudahan rekreasi boleh dibaca dengan jelas.
- 8.3 Ukuran sempadan dan keluasan hendaklah dinyatakan.
- 8.4 Tanam sekurang-kurangnya 2 jenis pokok bagi kawasan lapang kurang 0.25 ekar. Bagi kawasan lapang melebihi 1 ekar tanam sekurang-kurangnya 10 jenis pokok dan lebihkan tanaman pokok teduhan.*
- 8.5 Bangku taman jenis konkrit, terrazo atau yang bersesuaian bersaiz minimum 1.5m panjang x 0.45m lebar x 0.45m tinggi, tiang penyokong / 'post' jenis penuh (solid) dan hendaklah dikonkritkan ke lantai konkrit bersaiz 2000mm panjang x 1000mm lebar x 100mm tebal.*
- 8.6 Tong sampah beserta tempat abu rokok dan mempunyai 'wire mesh' atau lapisan tong kedua (dengan logo Majlis Perbandaran Klang dan 'sticker' gambar membuang sampah). Spesifikasi warna hijau atau yang bersesuaian. Tong sampah diskrukan atau dikonkritkan pada tapak asas konkrit 100mm tebal x 600mm x 600mm.*
- 8.7 Gelanggang badminton / sepak takraw (dwi permainan).
- 8.8 Gelanggang bola tampar / bola keranjang.
- 8.9 Litar refleksiologi 2m lebar x 15m panjang, dibahagi kepada 2 bahagian susunan batu 'pebbles' iaitu menegak (minimum 20mm diameter) dan melintang (minimum 40mm diameter). Pemegang dari jenis 'G.I pipe' (Dengan kemasan cat anti karat) atau 'stainless steel'.*
- 8.10 Papantanda pemberitahuan Undang-Undang Kecil Taman, MPK Tahun 2005 (Jenis Bergambar) dan Undang-Undang Kecil Vandalisme, MPK Tahun 2005 dengan logo Majlis Perbandaran Klang, nama taman perumahan beserta alamat. Spesifikasi tiang jenis 'full / semi circle hollow G.I pipe / aluminium post' 3 'inches diameter with black powder coating', 'background' kuning dari 3 mm 'thk aluminium sheet of UV sticker with metalgloss laminated board' dan tulisan hitam.*
- 8.11 Menyediakan laluan pejalan kaki atau laluan 'jogging' 1.5m lebar dan minimum 100mm tebal dari paras tanah di sekeliling kawasan lapang atau mengikut kesesuaian. Dibina secara potongan blok setiap 2.0m panjang dengan lebar ruang di antara blok 25 mm untuk aliran air.
- 8.12 Menyediakan 2 meter lebar laluan masuk konkrit ke kawasan lapang di atas longkang terbuka. Ukuran laluan konkrit hendaklah bersaiz 100mm tebal dan ketinggian 'kerb' 200mm di kiri dan kanan termasuk pemasangan 'bollard' atau

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

mengikut spesifikasi keperluan OKU seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Klang.

- 8.13 Pergola, gazebo / wakaf, dan lain-lain landskap kejur hendaklah dikemukakan.
- 8.14 Stesen senaman ('fitness stations') beserta EPDM 'seamless flooring' atau 'rubber mat'.
- 8.15 Permohonan kelulusan pelan lampu taman di kawasan alat permainan dan lampu gelanggang permainan serta struktur binaan yang memerlukan pengesahan Jurutera bertauliah hendaklah merujuk Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Klang.
- 8.16 Permohonan kelulusan pelan kolam renang hendaklah mendapat pengesahan Jurutera perunding bertauliah.

9.0 Keperluan Alat Permainan Dan Kemudahan Rekreasi Mengikut Keluasan Kawasan Lapang:-

- 9.1 Hendaklah mengikut spesifikasi Majlis Perbandaran Klang. Pelan terperinci alat permainan dan kemudahan rekreasi perlu dikemukakan berserta imej alat permainan dan stesen senaman ('fitness stations').
- 9.2 Kawasan lapang / padang permainan kurang 0.25 ekar;
 - 9.2.1 Mengadakan satu set alat permainan 'integrated' 25 hingga 28 orang kapasiti.*
 - 9.2.2 Mengadakan dua set buaian dua tempat duduk.
 - 9.2.3 Mengadakan tiga bangku taman.
 - 9.2.4 Mengadakan dua tong sampah.
 - 9.2.5 Mengadakan 1 buah papantanda pemberitahuan Undang-Undang Kecil Taman dan Vandalisme.
 - 9.2.6 Memasang pagar 'heavy duty anti-climb 3' overall height' di sekeliling kawasan lapang dengan bukaan laluan masuk.

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

- 9.3 Kawasan lapang / padang permainan di antara 0.25 ekar hingga 0.5 ekar;
- 9.3.1 Mengadakan satu set alat permainan 'intergrated' 28 hingga 30 orang kapasiti.*
 - 9.3.2 Mengadakan dua set buaian dua tempat duduk.
 - 9.3.3 Mengadakan empat bangku taman.
 - 9.3.4 Mengadakan dua tong sampah.
 - 9.3.5 Mengadakan satu buah gelanggang badminton / sepaktakraw (dwi-permainan).
 - 9.3.6 Mengadakan 1 buah papan tanda pemberitahuan Undang-Undang Kecil Taman & Vandalisme.
 - 9.3.7 Memasang pagar 'heavy duty anti-climb 3' overall height' di sekeliling kawasan lapang dengan bukaan laluan masuk.
- 9.4 Kawasan lapang / padang permainan di antara 0.5 ekar hingga 1.0 ekar;
- 9.4.1 Mengadakan satu set alat permainan 'intergrated' 28 hingga 30 orang kapasiti.*
 - 9.4.2 Tiga set buaian dua tempat duduk.
 - 9.4.3 Mengadakan enam bangku taman.
 - 9.4.4 Mengadakan tiga tong sampah.
 - 9.4.5 Mengadakan dua buah gelanggang badminton / sepaktakraw (dwi-permainan).
 - 9.4.6 Mengadakan satu litar refleksiologi dan pemegang.
 - 9.4.7 Menyediakan laluan pejalan kaki atau laluan 'jogging' merujuk spesifikasi perkara (8.11).*
 - 9.4.8 Mengadakan sebuah gazebo / wakaf saiz minima 5 meter (p) x 5 meter (l) x 4 meter (t) termasuk bangku konkrit.*
 - 9.4.9 Mengadakan 1 buah papan tanda pemberitahuan Undang-Undang Kecil Taman & Vandalisme.

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

- 9.5 Kawasan lapang / padang permainan di antara 1 hingga 2 ekar;
- 9.5.1 Mengadakan satu set alat permainan 'intergrated' 30 hingga 40 orang kapasiti.*
 - 9.5.2 Tiga set buaian dua tempat duduk.
 - 9.5.3 Mengadakan lapan bangku taman.
 - 9.5.4 Mengadakan empat tong sampah.
 - 9.5.5 Mengadakan dua buah gelanggang badminton / sepaktakraw (dwi-permainan).
 - 9.5.6 Mengadakan sebuah gelanggang bola tampar / bola keranjang.
 - 9.5.7 Mengadakan satu litar refleksiologi dan pemegang.
 - 9.5.8 Mengadakan tiga jenis stesen senaman ('fitness stations') berserta 'seamless flooring atau rubber mat'.
 - 9.5.9 Menyediakan laluan pejalan kaki atau laluan 'jogging' merujuk spesifikasi perkara (8.11).*
 - 9.5.10 Mengadakan 2 buah papan tanda pemberitahuan Undang-Undang Kecil Taman & Vandalisme.
 - 9.5.11 Mengadakan 2 buah gazebo / wakaf saiz minima 5 meter (p) x 5 meter (l) x 4 meter (t) termasuk bangku konkrit di setiap gazebo / wakaf.*
 - 9.5.12 Mengadakan 'subsoil-drainage' di sekitar kawasan lapang bagi mengalirkan air ke longkang (Pelan terperinci perlu dikemukakan).*
- 9.6 Kawasan lapang / padang permainan di antara 2 ekar hingga ke atas;
- 9.6.1 Mengadakan satu set alat permainan 'intergrated' 40 hingga 50 orang kapasiti.
 - 9.6.2 Empat set buaian dua tempat duduk.
 - 9.6.3 Mengadakan dua belas bangku taman.
 - 9.6.4 Mengadakan enam tong sampah.
 - 9.6.5 Mengadakan dua buah gelanggang badminton / sepaktakraw (dwi-permainan).

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

- 9.6.6 Mengadakan sebuah gelanggang bola tampar / bola keranjang.
- 9.6.7 Mengadakan satu litar refleksiologi dan pemegang.
- 9.6.8 Mengadakan enam jenis stesyen senaman ('fitness stations') beserta 'seamless flooring atau rubber mat'.
- 9.6.9 Menyediakan satu padang bola.
- 9.6.10 Menyediakan laluan pejalan kaki atau laluan 'jogging' merujuk spesifikasi perkara (8.11).*
- 9.6.11 Mengadakan minimum 3 buah papan tanda pemberitahuan Undang-Undang Kecil Taman & Vandalisme.*
- 9.6.12 Mengadakan 3 buah gazebo / wakaf saiz minima 5 meter (p) x 5 meter (l) x 4 meter (t) termasuk bangku konkrit di setiap gazebo / wakaf.*
- 9.6.13 Mengadakan 'subsoil-drainage' di sekitar kawasan lapang bagi mengalirkan air ke longkang (Pelan terperinci perlu dikemukakan).*

10.0 Padang bola / Futsal:-

- 10.1 Ukuran dan keluasan padang bola / futsal mengikut 'standard' yang telah ditetapkan perlu dinyatakan.
- 10.2 Mengadakan penghadang keselamatan di belakang pintu gol padang bola dan pagar di sekeliling kawasan futsal (Pelan terperinci perlu dikemukakan).
- 10.3 Mengadakan tiang-tiang gol (Pelan terperinci perlu dikemukakan).
- 10.4 Mengadakan 'subsoil-drainage' di kawasan penalti (Pelan terperinci perlu dikemukakan).
- 10.5 Orientasi gelanggang pada kedudukan melawan arah laluan matahari *.

11.0 Gelanggang permainan:-

- 11.1 Ukuran gelanggang permainan dan ruang legar hendaklah mengikut 'standard' yang telah ditetapkan.
- 11.2 Pelan keratan / rentas terperinci hendaklah dikemukakan.

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

- 11.3 Paras gelanggang permainan hendaklah melebihi 100mm tinggi daripada paras padang.
- 11.4 Tiang jaring (Dengan kemasan cat anti karat) termasuk 'footing' (Pelan terperinci perlu dikemukakan).
- 11.5 Semua garisan permainan gelanggang hendaklah dibina daripada mozek berwarna gelap saiz 50mm lebar atau 7mm tebal x 50mm lebar 'thermo plastic paint'.
- 11.6 Garisan permainan sepak takraw bulatan 300mm radius dan separa bulatan 900mm radius hendaklah pada kedudukan atau lokasi yang betul.
- 11.7 'Gradient' gelanggang hendaklah di antara 1% hingga 3%.
- 11.8 Orientasi gelanggang pada kedudukan melawan arah laluan matahari*.

12.0 Alat Permainan:-

12.1 Pemaju / Perunding landskap perlu menyediakan alat permainan mengikut syarat-syarat seperti di bawah:-

12.1.1 Segala jenis bahan dan komponen yang digunakan perlu menepati ciri-ciri keselamatan, ketahanan dan buatan Malaysia.*

12.1.2 Mematuhi **Piawaian Malaysia ('Malaysian Standard')** ;

12.1.2.1 MS 966 : PART 1 : 2001

12.1.2.2 MS 966 : PART 2 : 2001

12.1.2.3 MS 966 : PART 3 : 2001

12.1.3 Spesifikasi terperinci alat permainan kanak-kanak ('English Version');*

12.1.3.1 'Swing';

- 'Swing beam must be fabricated from steel hollow sections of 38mm x 76mm'.
- 'Swing legs must be of 38mm steel posts'.
- 'All are galvanized and PEF ultra violet polyester powder coated'.
- 'Swing chain shall be of stainless steel'.

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

- 'Seat belt are from steel plate covered with slash proof EPDM'.
- 'Installation of swing chain shall be of U-shakel, bolt, bearing and lock nut'.

12.1.3.2 'Post Cap';

- 'Material - plastic or aluminium'.

12.1.3.3 'Type Slide';

- 'Slides are from rotationally moulded linear medium density polyethylene consists of ultra violet'.
- 'Stabilizers and colour impregnation with average thickness of 5mm'.
- **LARANGAN** penggunaan 'tube slide' kerana mengundang aktiviti vandalisme.

12.1.3.4 'See-Saw';

- **LARANGAN** penggunaan 'see-saw' sebagai peralatan permainan kerana mengundang aktiviti vandalisme.

12.1.3.5 'Rubber mat';

- 'EPDM Seamless flooring' atau 'rubber mat' di keseluruhan kawasan peralatan permainan berkelompok ('intergrated set') atau di kawasan 'landing area'.

12.1.3.6 'All Type Side Panel';

- 'All plastic panels shall be from high density polyethylene (HDPE) and thickness varies from 10mm to 15 mm'.
- 'Application all panel consists of UV stabilizers and colour impregnation to maintain durability and colour fastness against the toughest climate and condition'.
- **LARANGAN** 'Bubble panel' perlu ditukar kepada 'rung panel'.

12.1.3.7 'All Type Platform Deck';

- 'Size of metal deck shall be of min. 900mm x 900mm fabricated from hot rolled galvanized metal sheet with pattern of equally spaced holes to allow sand and

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

water to permeate and coated with PEF UV polyester powder coating’.

12.1.3.8 ‘Animal Spring’;

- **LARANGAN** penggunaan ‘animal spring’ sebagai peralatan permainan kerana mengundang aktiviti ‘vandalism’.

12.1.3.9 ‘Screws, Washers, Bolt’s And Nuts’;

- ‘All hardware and fastener used shall be from tampered resistant stainless steel’.
- ‘All exposed hardware shall be covered with UV stabilized plastics safety cap as a safety feature against protruding hardware, aesthetic pleasing against ugly exposed hardware and prevention against vandalism’.

12.1.3.10 ‘Roof’;

- ‘Perforated steel panel roof shall be fabricated from powder coated perforated steel panel supported by galvanized powder coated steel frame’.
- ‘Multi colour plastic panel roof shall be fabricated from high density polyethylene (HDPE) panels of minimum 5mm to 12mm’.
- ‘Combination of steel and plastic’.

12.1.3.11 ‘Upright Post’;

- ‘Shall be made of galvanized round pipe or aluminium coated with PEF UV polyester’.
- ‘All O.D for posts shall be of min. 89mm’.

12.1.4 ‘Children playground equipment warranty’ sekurang-kurangnya lima tahun dengan tajuk projek dan alamat serta no telefon syarikat pengeluar perlu dikemukakan semasa permohonan CCC/ Sokongan CF.

Perkara 12.1. hingga 12.1.4 perlu dipatuhi sewaktu pelaksanaan kerja-kerja di tapak).

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

- 13.0 Berpandukan **Garis Panduan Rekabentuk Bandar Selamat 2010:**
- 13.1 Pengasingan laluan pejalan kaki selebar 1.52 meter (5 kaki) dari laluan bermotor perlu disediakan tanaman landskap di antaranya.
- 13.2 Menanam pokok renek dengan ketinggian tidak melebihi 0.9 meter (3 kaki) di laluan pejalan kaki bagi mengasingkan dengan laluan kenderaan bermotor.
- 14.0 **Berpandukan Garis Panduan Kejiranan Hijau 2012 dalam melaksanakan Komponen-Komponen Perancangan Kejiranan Hijau khususnya 'Low Carbon Cities Framework' (LCCF), Rekabentuk Komuniti & Pengangkutan Bandar serta Komuniti Hijau:**
- 14.1 Mengkaji semula jenis pokok dan kuantiti (kg / tree / year) penyerapan karbon yang tinggi seperti pokok Bambusa atau pokok teduhan berdaun padat.
- 14.2 Menentukan lokasi dan cadangan rekabentuk kebun komuniti JMB (Residents Community Garden).
- 14.3 Menyediakan sistem tangki atau kolam simpanan air hujan (rain water harvesting) yang boleh di gunapakai untuk tujuan kitar semula air hujan di antaranya siraman pokok dan sebagainya.
- 14.4 Menggunakan bahan binaan landskap kejur dari elemen-elemen mesra alam.
- 14.5 Mengambilkira elemen-elemen 'green bulding' di dalam cadangan rekabentuk landskap.
- 15.0 **Tapak-tapak:-** Untuk cadangan surau, tadika, dewan serbaguna, balairaya, gerai, masjid, sekolah dan lain-lain kawasan rizab awam hendaklah ditimbus, diratakan dan ditanam dengan rumput *Axonopus compressus* secara 'spot turfing' dan 80% ketulenan. (Kawasan ini hendaklah dipagar dan diselenggarakan oleh pihak Pemaju hingga pembangunan berkenaan telah dilaksanakan dengan sempurna dan diambil alih oleh pihak berkuasa tempatan / kerajaan).
- 16.0 **Kedudukan / tapak:-** Loji MSTP, bangunan TNB, tangki air dan lain-lain struktur hendaklah ditunjukkan dalam pelan.

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

17.0 Tempoh Sah Kelulusan Pelan Landskap :- 24 bulan (2 tahun) dari tarikh kelulusan dan perlu diperbaharui selepas tamat tempoh tersebut :-

17.1 Projek yang telah dimulakan sebahagian fasa dalam tempoh 24 bulan (2 tahun) :-

Perunding / pemaju perlu mengemukakan permohonan melanjutkan tempoh mengikut prosedur permohonan kelulusan pelan landskap bagi **memperbaharui** kelulusan sebelum tamat tempoh 2 tahun untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk pengesahan semula kelulusan.

17.2 Projek yang tidak dimulakan dalam tempoh 24 bulan (2 tahun) :-

Perunding / pemaju perlu mengemukakan permohonan baru mengikut prosedur kelulusan pelan landskap untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk pengesahan kelulusan pelan landskap.

18.0 Pelan-pelan pindaan daripada pelan-pelan yang telah diluluskan perlu dibuat permohonan baru mengikut prosedur kelulusan pelan landskap.

19.0 Projek pembangunan yang tidak perlu dibuat permohonan kelulusan pelan landskap dan boleh diberi pengecualian:-

19.1 Perunding / Pemaju perlu mengemukakan permohonan secara bertulis mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

19.2 Kategori permohonan;

19.2.1 Rumah sesebuah oleh pemohon individu.

19.2.2 Tambahan bangunan bagi projek pemajuan yang telah mendapat CF/CCC yang tidak melibatkan kawasan landskap baru.

19.2.3 Pembangunan semula rumah dan kedai pejabat kurang 5 unit di kawasan pembangunan sedia ada.

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

20.0 Permohonan Pengesahan Penerimaan Borang F (CCC) / Sokongan CF Landskap.

20.1 Permohonan Pengesahan Penerimaan Borang F (CCC) :

20.1.1 Mengemukakan borang permohonan lawatan Pengesahan Pemeriksaan Akhir dan satu (1) salinan laporan bergambar siap kerja-kerja di tapak melalui Jabatan Pusat Setempat (OSC) dalam tempoh 60 hari sebelum Borang G21 dan borang F dikemukakan.

20.1.2 Setelah semua dokumen permohonan lengkap diterima, pihak Majlis akan membuat lawatan pengesahan pemeriksaan akhir dan mengeluarkan notis ketidakpatuhan sekiranya terdapat ketidakpatuhan dalam tempoh 14 hari. Perunding hendaklah membetulkan kemungkiran atau ketidakpatuhan sebelum surat pengesahan CCC dikeluarkan.

20.1.3 Setelah pihak Majlis berpuashati dengan kerja-kerja landskap di tapak, surat pengesahan CCC dan arahan penyelenggaraan landskap akan dikeluarkan kepada pemaju.

20.1.4 Mengemukakan Borang G-21 dan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (Borang F / CCC) melalui Jabatan Pusat Setempat (OSC).

20.2 Permohonan Sokongan CF Landskap :

20.2.1 Mengemukakan permohonan lawatan Pengesahan Pemeriksaan Akhir, tiga (3) salinan Borang Sokongan Landskap CF (berwarna biru) dan satu (1) salinan laporan bergambar siap kerja-kerja di tapak terus ke Jabatan Taman dan Rekreasi.

20.2.2 Setelah semua dokumen permohonan diterima, pihak Majlis akan membuat lawatan pemeriksaan tapak pengesahan Sokongan Landskap CF Landskap dalam tempoh 14 hari.

20.2.3 Pihak Majlis boleh mengeluarkan arahan/ notis bertulis kepada perunding untuk membetulkan ketidakpatuhan. Perunding hendaklah membetulkan kemungkiran atau ketidakpatuhan sebelum sokongan CF dikeluarkan.

20.2.4 Setelah pihak Majlis berpuashati dengan kerja-kerja landskap di tapak, Pengesahan Borang Sokongan Landskap CF akan ditandatangani oleh Pengarah Taman Dan Rekreasi dan surat arahan penyelenggaraan landskap akan dikeluarkan kepada pemaju.

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

21.0 Penyelenggaraan Landskap:-

21.1 Tempoh penyelenggaraan :- Satu (1) tahun atau dua (2) tahun (mengikut kategori pembangunan) dari tarikh CCC / CF bangunan dikeluarkan pihak pemaju hendaklah mengemukakan surat permohonan penyerahan berserta satu (1) salinan laporan bergambar bertarikh terkini ke Jabatan Taman dan Rekreasi pada akhir tempoh penyelenggaraan untuk pemeriksaan terakhir sebelum pengambilalihan oleh Majlis Perbandaran Klang.

21.2 Mematuhi Garis Panduan Landskap Negara dan Garis Panduan Penyelenggaraan Landskap Majlis seperti berikut:-

21.2.1 Landskap Lembut ;

- 21.2.1.1 Mengikut spesifikasi **Garis Panduan Landskap Negara dan Garis Panduan Penyelenggaraan Landskap Majlis.**
- 21.2.1.2 Kerja-kerja pembersihan kawasan daripada sampah dan segala perkara yang menjadikan kawasan kotor termasuk menyapu keseluruhan kawasan landskap, penyapuan pejalan kaki, kutipan sampah di sekitar kawasan dan di dalam tong sampah dan menyapu daun-daun kering di kawasan berumput termasuk pembersihan sampah pukal dan sampah kebun serta pembersihan kolam takungan sekiranya ada (kekerapan setiap hari).
- 21.2.1.3 Pokok renek dicantas / 'trim' dengan kemas 600mm tinggi keseluruhan (kekerapan satu (1) bulan sekali).
- 21.2.1.4 Memastikan pemotongan rumput tidak lebih 2cm dari paras tanah. Memotong dan menyelenggara rumput, tumbuhan penutup bumi atau sebarang tumbuhan liar yang hidup di keseluruhan kawasan landskap (kekerapan dua (2) kali sebulan).
- 21.2.1.5 Melaksanakan kerja-kerja merumput dan menggembur tanah pokok teduhan, palma dan pokok renek (kekerapan dua (2) kali sebulan).
- 21.2.1.6 Kerja-kerja membaja di pangkal pokok teduhan, palma, pokok renek dan rumput menggunakan kaedah menabur butir baja secara manual (kekerapan empat (4) bulan sekali).

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

21.2.2 Landskap Kejur ;

- 21.2.2.1 Mengikut spesifikasi **Garis Panduan Landskap Negara dan Garis Panduan Penyelenggaraan Landskap Majlis.**
- 21.2.2.2 Kerja-kerja pembersihan longkang dengan cara mengeluarkan dan membuang sampah sarap atau apa saja barangan yang terdapat di dalam longkang termasuk pasir, batu, tanah atau apa-apa bahan supaya longkang dapat mengalir dengan lancar (kekerapan dua (2) minggu sekali).
- 21.2.2.3 Menjaga dan menyelenggara perabot taman dan kemudahan rekreasi dengan mengambilkira ciri-ciri keselamatan pengguna.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.

No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14


No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

21.3 Mematuhi Garis Panduan Spesifikasi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Pokok Majlis seperti berikut:-

21.3.1 Pemangkasan dahan pokok muda di buat bagi menghasilkan bentuk dan struktur yang baik serta mempunyai nilai estetika. Nisbah pangkasan ialah 1/3 atau 10 kaki dari ketinggian pokok yang di ukur dari aras tanah.



GAMBARAJAH PEMANGKASAN DAHAN POKOK MUDA

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.


No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

21.3.2 Pemangkasan pembersihan ('Prune To Clean') dibuat bagi membuang dahan-dahan berisiko seperti ranting / dahan mati, tunas air, dahan patah atau dahan tergantung.



GAMBARAJAH PEMANGKASAN PEMBERSIHAN ('PRUNE TO CLEAN')

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Semakan Kelulusan Pelan Landskap.


No. Dokumen: GP / 01 / MPK / PK / KP / 14

No. Pindaan: 07

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2018

No. Fail Rujukan: MPK 600-10/1/_____

21.3.3 Pemangkasan Penjarangan ('Prune To Thin') dibuat bagi mengurangkan kepadatan silara dan menghasilkan kepadatan dahan dan dedaun yang seragam.



GAMBARAJAH PEMANGKASAN PENJARANGAN ('PRUNE TO THIN')

(Nota: * mengikut kesesuaian)

